# PARLIMEN MALAYSIA



**RANG UNDANG-UNDANG**

**Perbekalan Tambahan (1987) (No.2)1988**

**DR.26/1988**

D.R. 26/88

**Nashkah Sahih—Bahasa Malaysia**

# RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1987) (No. 2) 1988. Tajuk ringkas.

**2.** (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi dua juta lapan ratus tiga puluh satu ribu tujuh ratus ringgit ($2,831,700) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1987, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1987, Akta Perbekalan Tambahan (1986 dan 1987) 1987 dan Akta Perbekalan Tambahan (1987) 1988. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1987. *Akta A654. Akta A676. Akta A698.*

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

(Seksyen 2)

| Maksud | Tajuk | Peruntukan kepada maksud |
|---|---|---|
| B.27 | Kementerian Luar Negeri .. .. .. | $2,831,700 |
| | JUMLAH .. | $2,831,700 |

## HURAIAN

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1987 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1987, Akta Perbekalan Tambahan (1986 dan 1987) 1987 dan Akta Perbekalan Tambahan (1987) 1988.

[PN. ($U^2$) 1518.]